

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

KHAMIS, 25 FEBRUARI 2021

1. 'Kecil lagi diajar dera' Tanpa sedar masyarakat galak perbuatan kejam terhadap haiwan
-Haiwan liar mangsa buruan 'suka-suka'
2. Mujur tak dipijak kuda
3. Ayam Brahma bernilai tinggi
-Nilai tinggi ayam eksotik gergasi
-RM5 bilion import dedak ayam

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

'Kecil lagi diajar dera'

Tanpa sedar masyarakat galak perbuatan kejam terhadap haiwan

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Haiwan tidak mampu melawan atau membela diri menyebabkan golongan penjenayah haiwan berasa selamat melakukan perbuatan kejam.

Presiden Persatuan Haiwan Malaysia (Animal Malaysia), Arie Dwi Andika berkata, realiti haiwan tidak boleh bersuara dan melaporkan kejadian menyebabkan ada individu tidak berperikemanusiaan tergamak melakukan perbuatan kejam.

Menurutnya, pertubuhan *Animal Malaysia* diwujudkan bagi memperjuang dan membela nasib haiwan dianiaya serta menjadi mang-



LAPORAN muka depan Harian Metro, semalam.

sa penjenayah haiwan.

"Malah tanpa sedar, budaya mendera haiwan ini sudah diajar sejak kecil dan jadi budaya dalam kehidupan kita.

"Sebagai contoh, ketika

zaman kecil dahulu kita diajar untuk melastik haiwan seperti burung sedangkan perlakuan itu salah," katanya.

Arie Dwi berkata, kanak-kanak zaman dahulu ju-

ga diajar membaling kayu hingga mencederakan anjing kerana dianggap najis bagi umat Islam selain bimbang digigit.

"Namun hakikatnya manusia tidak ada hak melakukan perbuatan zalim mencederakan haiwan kerana ia tetap satu jenayah.

"Selain itu, kami sudah memberi cadangan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) supaya Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dipinda dengan memasukkan tambahan hukuman sebat," katanya.

Beliau berkata, hukuman tambahan sebat itu diharapkan mampu memberi ketakutan dan rasa serik kepada individu yang melakukan kezaliman.

Kuala Lumpur: Bukan hanya haiwan peliharaan malah isu kezaliman turut membabitkan haiwan liar yang menjadi mangsa golongan pemburu haram atau bagi tujuan 'suka-suka'.

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, kebanyakan penganiayaan ini adalah membabitkan isu penggunaan jerat yang menyebabkan haiwan liar berkenaan mengalami penderitaan, cacat atau mati kesakitan.

Menurutnya, kezaliman atau provokasi sering dilakukan manusia terhadap hidupan liar di negara ini, se-

Haiwan liar mangsa buruan 'suka-suka'

kali gus menjadi punca konflik antara manusia dan haiwan.

"Bagaimanapun haiwan liar ini akhirnya akan menjadi mangsa walaupun konflik berpunca dari manusia yang melakukan pencerobohan habitat, buka tanah pertanian tidak terkawal dan tindakan memangsang jerat di kawasan hutan simpan.

"Sepanjang tahun

lalu, sebanyak 52 kes membabitkan haiwan yang mati atau cedera parah akibat perbuatan manusia direkodkan.

"Kebanyakannya berpunca daripada penggunaan jerat kabel," katanya.

Menurutnya, jerat besi yang digunakan boleh menyebabkan kecacatan pada mamalia besar seperti gajah, beruang dan tapir.

"Berdasar rekod diperolehi, jumlah

haiwan liar yang cedera atau mati akibat perbuatan manusia adalah sebanyak 43 burung, landak (2), beruang (2), gajah (1), tapir (1), kijang (1), napoh (1) dan babi hutan (1).

"Semua 53 kes ini adalah kes yang dilaporkan atau diketahui oleh Perhilitan. Ada kemungkinan terdapat lebih banyak kes tidak ditenagai," katanya.

Kadir berkata, individu yang melakukan kegiatan itu boleh didakwa mengikut Seksyen 86, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (Akta 716) iaitu denda tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak lebih daripada RM50,000 atau dipenjarakan tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Penggunaan jerat
sebabkan haiwan liar
derita, cacat atau mati
kesakitan

'Mujur tak dipijak kuda'

Kuala Lumpur: Penyanyi, pelakon dan pengacara, Sissy Imann berdepan detik mencemaskan apabila terjatuh dari kuda ditunggangnya ketika menjalani penggambaran untuk satu program TV, semalam.


Sissy menerusi Instagram berkata, dia bersyukur tidak cedera serius seperti patah atau retak tulang dan hanya lebam dan luka-luka.

Bagaimanapun, dia mengakui ia satu pengalaman menyakitkan hingga doktor terpaksa memberi suntikan ubat penahan sakit sebelum melakukan X-ray kerana dia tidak boleh berbaring.

Menceritakan kejadian itu, Sissy berkata, ketika menunggang di kawasan berbukit, kuda itu berpatah balik dan berlari menuruni bukit dengan laju.

"Saya menjerit ketakutan sebelum akhirnya melambung dan terjatuh di bahagian kanan kuda. Mujur tak dipijak kuda," katanya.

Sissy berkata, itu hari pertama dia menunggang kuda dan mengakui ia pengalaman menakutkan.



SISSY cedera pada hari pertama menunggang kuda.

"Pada awalnya, saya tak mahu, tapi apabila kuda itu nampak mula mesra, saya bersetuju untuk teruskan.

"Saya sudah ke klinik melakukan X-ray. Doktor maklumkan tak ada tulang yang patah atau retak," katanya.

Sissy berkata, kejadian itu membuatkan dia trauma dan masih terbayangkan situasi yang berlaku.



lk2 Menjelami Hidup Anda

KHAMIS 25.02.2021

Ayam Brahma bernilai tinggi

AYAM Brahma yang merupakan baka dikembangkan di Amerika Syarikat daripada unggas diimport dari Shanghai, China ini menjadi pilihan untuk dipelihara berikutan rupa bentuk elegan dengan salunya yang besar dan berbulu tebal termasuk di kaki.

Kosmo!

Nilai tinggi ayam eksotik gergasi



Rencana Utama
Oleh MOHD. SHAUZAN YUSOP

SRAWAI, pekan 7 pagi, lelaki berusia 65 tahun itu sudah keluar dari rumah untuk bersiar-siar dengan baikal selama satu hingga dua jam di sekitar Bandar Baru Bangi, Selangor.

Uai aktiviti kayuhan basikal, Daruk Sabiamad Abdul Ahad terus singgah ke Ladang Ternakan Ayam Eksotik milikny di Sungai Ramal Dalam yang terletak kira-kira lima kilometer dari Plaza Tol Kajang.

Di sana, dia akan menghabiskan masa selama sejam-an bagi memantau perkembangan dan memberi makan setiap ayam yang dipelihara di ladang seluas 0.3 hektar itu.

Sabiamad turut memanfaatkan kesempatan tersebut untuk membeli telur serta bertani dengan setiap unggas yang terdapat di ladang tersebut.

Tulah rutin harian bapa kepada lima cahaya mata itu sejak dua tahun lalu selepas membuka Ladang Ternakan Ayam Eksotik bagi mengisi masa lapangnya.

"Saya banyak menghabiskan masa lapang di sini sambil melakukan kerja-kerja seperti memberi makan dan membeli setiap ayam di sini.

Ragi saya, ia merupakan satu terapi yang sangat baik apabila kembali hidup solo selepas kematian isteri tercinta," kata bekas atlet menembak negara itu ketika ditemui bual K2 baru-baru ini. Sabiamad pernah mengharumkan nama negara dalam temasya sukan di peringkat Asia Tenggara, Asia dan dunia. Antara kejayaan yang diraihny ialah memegang pingat emas Sukan SEA 1983 di Singapura dan lusu beraksi di pentas Sukan Olimpik 1984 di Los Angeles, Amerika Syarikat (AS).

Menarik mengenai ladang ayam eksotiknya, yang dipelihara bukarah daripada spesies biasa yang banyak terdapat di negara ini, selangkanya ia daripada baka Brahma.

Brahma merupakan baka yang dikembangkan di AS daripada unggas diimport dari Shanghai, China. Ayam itu merupakan ayam baka dagang utama di negara Uncle Sam dari tahun 1850-an hingga sekitar tahun 1930.

Selain ditiagainya, Brahma turut menjadi pilihan untuk dipelihara disebabkan memiliki rupa yang elegan terutamanya dari aspek bulu yang tebal dengan kombinasi warna-warna berkilat.

Baka ini dapat dikenal pasti melalui rupanya yang bertubuh besar dan berbulu pada bahagian kaki. Berat ayam Brahma antara 9 hingga 12 kilogram (kg) sedangkan ayam biasa hanya antara 1 hingga 3 kg.

Sabiamad memaklumkan, dia memilih untuk memelihara ayam Brahma disebabkan sifat jinakny selain memiliki rupa yang anggun dengan bulu



AYAM Brahma boleh dikenal pasti melalui susuk tubuhnya yang elegan, berbuku termasuk pada kaki dan kombinasi warna yang berkilat. AMR H ALIG



SABIAMAD (kanan) bersama menantunya, Azrie memeriksa tahap kesihatan salah seekor ayam Brahma yang terdapat di Ladang Ternakan Ayam Eksotik.



LADANG Ternakan Ayam Eksotik yang terletak di Sungai Ramal Dalam turut dibuka untuk kunjungan orang ramai melihat species-species ayam.

INFO

Ayam Brahma

- Baka import dari Shanghai China yang diperlaya dikembangkan di Amerika Syarikat.
- Banyak terdapat di sekitar Asia Tenggara.
- Baka ayam gergasi yang penuh nilai estetik.
- Hewan jinak yang mudah dipelihara.

berwarna-warni pada tubuh dan kepala. "Saya dibesarkan dalam suasana kampung dengan memelihara haiwan seperti ayam, lembu dan kambing. Apabila berhijrah ke luar negara, saya mempunyai sekeping tanah yang sesuai untuk memelihara ayam.

Saya memilih untuk memelihara ayam baka Brahma disebabkan ia mudah dipelihara dan jinak dengan manusia. Saya boleh memberikan makanan, ayam ini secara terus menggunakan tangan," katanya yang berasal dari Muar, Johor.

Bercenta harip, pada peringkat awal pembuatannya dalam bidang penernakan itu, dia bermula dengan memelihara 1,200 ekor itik.

Bagaimanapun, polangan daripada penernakan itik kurang menguntungkan sekali, gus menyebabkan Sabiamad beralih memelihara ayam Brahma kerana harganya yang lebih tinggi.

Ketika ini terdapat sebanyak 60 ekor baka ayam Brahma di ladang ini dengan pelbagai variasi jenis dan warna. "Rata-rata ayam di sini diperoleh daripada takan-rakan yang memeliharanya. Ada juga yang saya

dapatkan daripada penternak di Thailand, Turki dan Indonesia.

"Selepas memeliharanya, saya dapati harga ayam ini lebih mahal di pasaran selain mendapat permintaan lebih tinggi terutama dalam kalangan peminatnya," ujarnya.

Sabiamad memaklumkan, dia pernah menjual seekor anak ayam baka Brahma berusia seminggu dengan harga RM60 seekor.

Bagi ayam dewasa pula, harganya mencecah serendah RM1,500 sepaip bergantung kepada baka dan kualitinya. Bagaimanapun, dia memilih untuk menghentikan penjualan anak ayam Brahma disebabkan ingin memperbanyak bilangan ayam di ladang berkenaan.

"Ketika saya jual anak ayam sebelum ini, tidak menang tangan jika saya dibuatnya kerana permintaan sangat mengalakkan daripada para pelanggan.

Kini, saya berhenti duhi menjual anak ayam ini selepas memasang hasrat untuk mengumpul lebih banyak ayam dan mengadakan pameran ayam Brahma terbesar di Malaysia suatu hari nanti," ujarnya.

Selain Sabiamad, ladang berkenaan diuruskan oleh seorang pengurus yang juga menantunya sendiri, Azrie Adnan, 27. Azrie memaklumkan, rutin perijagaan ayam baka Brahma sangat mudah berbanding unggas jenis lain terutamanya daripada aspek pemakanan, kebersihan dan kawalan penyakit.

Katanya, ayam Brahma hanya perlu diberi makan dedak yang berupa campuran bijirin seperti beras dan jagung sejak usia kecil sehingga meningkat dewasa.

"Selepas menetas hingga usia tujuh bulan, kami akan beri dedak daging untuk tumbesarnya. Kemudian, ayam perlu diberi dedak pembaka bagi membolehkan ia mengawan dan bertelur," ujarnya.


Telur-telur yang diperoleh kemudian akan dimasukkan di dalam inkubator selama 21 hari untuk proses penetasan.

Daripada jumlah telur yang dieramkan, hanya 70 peratus akan menetas dan membesar dengan sihat, manakala bakinya mati akibat penyakit.

Menurut Azrie, ayam Brahma



SABIAMAD menunjukkan anak-anak ayam baka Brahma yang baru menetas.



BIARUP beralih ayam gergasi, Brahma merupakan ayam yang jinak.

terdedah kepada beberapa penyakit yang boleh membawa maut seperti bengkok mata serta kaki berseki.


"Ayam Brahma biasanya sangat kuat dan sihat tetapi terdapat beberapa aspek perlu diawasi iaitu bahagian mata dan bulu kaki yang mudah dijangkiti hama," tegasnya.

Tambahnya, aspek kebersihan ladang sentiasa menjadi perkara utama yang dititikberatkan bagi memastikan kesihatan ayam. Ladang akan dicuci sekera mungkin menggunakan air bersih bagi memastikan kawasan bebas daripada pencemaran bau dan penyakit.

"Perkara utama yang ditekankan di ladang ini adalah kebersihan kerana kami tidak mahu jiran-jiran mengadu mengenai bau busuk. Kami juga menggunakan habuk kayu bagi memastikan najis ayam sentiasa kering dan bebas bau busuk," ujarnya.

Selain ayam Brahma, Ladang Ayam Eksotik itu turut menempatkan unggas lain seperti ayam hutan, ayam Poland, ayam cemani, itik dan ayam Belanda.

Azrie memberitahu, ladang berkenaan membuka pintu kepada pelawat yang ingin melihat dan mengenali ayam-ayam di situ dengan lebih mendalam secara percuma.



SELAIN ayam Brahma, Ladang Ternakan Ayam Eksotik milik bekas atlet menembak negara ini turut menempatkan pelbagai unggas seperti itik selain species-species ayam lain.



HANG TIAH

RM5 bilion import dedak ayam

TERNAKAN ayam merupakan salah satu industri yang berskala besar di Malaysia serta banyak negara di dunia.

Hal ini disebabkan ayam merupakan sumber protein utama bagi kebanyakan orang ekoran kekenakan dagangnya selain harga yang tidak terlalu mahal.

Ternakan ayam meliputi pelbagai kategori iaitu ayam pedaging, ayam penelur, ayam kampung, ayam pembiak baka termasuk itik dan puyuh. Pengeluaran daging ayam negara telah mencapai tahap sara diri sejak tahun 1961.

Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Universiti Putra Malaysia, Prof. Matyia Dr. Hang Tiah Baharudin berkata, pengeluar daging ayam negara melebihi kapasiti permintaan.

Jelasnya, lebihan daging ayam yang dihasilkan kemudian diproses untuk dijadikan produk hiliran yang boleh menjana pendapatan seperti sejuk beku.

"Ketika ini, kadar penghasilan daging ayam negara adalah sekitar 120 peratus. Ini menunjukkan kadar penanaman ayam melebihi permintaan di dalam negara.

"Situasi ini membolehkan harga ayam dalam pasaran tempatan lebih stabil termasuk ketika musim perayaan utama di negara," katanya kepada K2 baru-baru ini.

Bagaimanapun, harga ayam di pasaran tempatan masih boleh dipengaruhi dengan faktor luaran seperti pembelian bekalan dedak yang diimport dari luar negara.

Jelasnya, negara mengimport empat juta tan metrik kacang soya, pada tahun 2019 untuk dijadikan sumber makanan ayam di ladang.

"Nilai import bekalan dedak ayam negara setiap tahun mencecah RM5 bilion. Ini satu fenomena tidak sihat kerana apabila pertukaran wang asing negara merosot akan mempengaruhi harga ayam di pasaran.

"Kerajaan sedang berusaha mengurangkan kebergantungan kepada import bekalan dedak sekali gus memastikan keselamatan makanan negara lebih stabil," tegasnya.